

## Konsep Zakat Fitrah: Tinjauan Dalam Kalangan Mahasiswa Pengajian Tinggi

*The Concept of Zakah al-Fitr: A Survey Among Higher Education Students*

Nurul Faidatul Fatehah Abd Rahim<sup>a</sup>, Fidlizan Muhammad<sup>a\*</sup>, Azila Abdul Razak<sup>a</sup>, Ahmad Zakirullah Mohamed Shaarani<sup>a</sup>, Mohd Yahya Mohd Hussin<sup>a</sup>, Salwa Amira Awang<sup>b</sup>

<sup>a</sup>Jabatan Ekonomi, Fakulti Pengurusan dan Ekonomi, Universiti Pendidikan Sultan Idris,  
35900 Tanjong Malim, Perak

<sup>b</sup>Jabatan Pengajian Umum, Politeknik Sultan Azlan Shah, 35950 Bebrang Stesen, Perak

\*Email koresponden: fidlizan@fpe.upsi.edu.my

### Article history

Received: 2020-04-17 Received in revised form: 2020-06-19 Accepted: 2020-06-20 Published online: 2021-02-28

### Abstract

This survey is purposively to identify the level of knowledge among higher education students in regards to the basic concept of zakah al-fitrah. For most of the students, this obligation is currently carried out by the family. However, this situation does not hinder them from comprehending the current development that is happening in the practice of zakah al-fitrah. The implementation of minimum rate of zakah al-fitrah and its options for example, is important to be understood by students as a preparation for the future. Accordingly, this study has adopted a quantitative method through the instrument of questionnaire to achieve the research objective. This study involves 125 students of a higher education institution in Perak. The analysis of frequency and mean is used to analyse the research data. The outcome of research finds that students possess a considerably good level of knowledge in the basic concept of zakah al-fitrah namely the virtues or the mandatory conditions of zakah al-fitrah. Meanwhile for the three concepts of the additional discussion which are the measurements, types and time of payment show a moderate mean value. The implication of this study reveals the existence of a knowledge gap that should be given attention by the authority in zakah management. This to ensure that the transformation implemented by the authority can be fully complied in the future.

*Keywords:* Zakah al-Fitr, Measurement, Knowledge, Higher Education students.

### Abstrak

Kajian ini bertujuan mengenalpasti tahap pengetahuan mahasiswa berkaitan konsep asas dalam ibadah zakat fitrah. Bagi kebanyakan mahasiswa, tanggungjawab menunaikan zakat fitrah kini dilaksanakan oleh keluarga. Namun demikian, situasi ini tidak menghalang mereka untuk memahami perkembangan semasa yang berlaku dalam amalan zakat fitrah. Pelaksanaan kadar zakat fitrah minimum dan pilihan misalnya, penting untuk difahami oleh mahasiswa sebagai persediaan masa depan. Sehubungan itu, kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif melalui instrumen soal selidik bagi mencapai objektif kajian. Kajian ini melibatkan 125 orang mahasiswa di sebuah institusi pengajian tinggi di Perak. Analisis kekerapan, peratus dan min digunakan bagi menganalisis data-data kajian. Hasil kajian mendapati, mahasiswa mempunyai pengetahuan yang baik dalam konsep asas zakat fitrah iaitu rukun atau syarat wajib zakat fitrah. Manakala, tiga konsep perbincangan tambahan iaitu timbangan, bentuk dan waktu bayaran menunjukkan nilai min yang sederhana. Implikasi kajian ini menunjukkan wujud lompong pengetahuan yang perlu diberi perhatian oleh pihak berautoriti dalam pengurusan zakat. Hal ini bertujuan untuk memastikan perubahan yang dilaksana oleh pihak berautoriti dipatuhi dengan sempurna pada masa depan.

*Kata kunci:* Zakat fitrah, Timbangan, Pengetahuan, Mahasiswa

## 1.0 PENGENALAN

Masyarakat muslim sedia mengetahui bahawa membayar zakat fitrah merupakan salah satu ibadah yang perlu dilaksanakan dalam bulan Ramadhan. Individu yang mempunyai kemampuan iaitu kecukupan makanan diwajibkan untuk menunaikan zakat fitrah bermula dari awal Ramadhan sehingga sebelum solat Hari Raya Aidil al-Fitri ditunaikan. Zakat fitrah dan zakat harta mempunyai beberapa konsep yang sama, namun interpretasi setiap konsep adalah berbeza. Pertama, kedua-dua jenis zakat ini mempunyai nisab. Kadar bagi zakat harta ialah 2.5 peratus, manakala zakat fitrah pula ialah satu gantang Baghdad iaitu bersamaan 2.6 kilogram makanan asasi sesebuah negara (JAKIM, 2009). Kedua, tempoh masa atau haul yang mana bagi zakat harta ialah satu tahun, manakala bagi zakat fitrah pula ialah bulan Ramadhan sahaja. Ketiga, nisab bagi zakat harta ialah 20 dinar bersamaan 85gram emas (al-Qaradhawi, 2015), manakala bagi zakat fitrah pula ialah kecukupan makanan untuk diri sendiri dan tanggungan.

Interpretasi konsep-konsep zakat yang berbeza ini penting diketahui oleh masyarakat Muslim. Berasaskan konsep yang diterangkan, secara mudah dapat dinyatakan bahawa jumlah pembayar zakat fitrah adalah lebih ramai berbanding dengan zakat harta. Bahkan individu yang boleh disenaraikan dalam kategori pembayar zakat fitrah mencakupi pelbagai kelompok sebagaimana difahami dari hadis Nabi S.A.W yang berikut;

*Rasulullah telah mewajibkan zakat fitrah dari bulan Ramadhan satu sha' dari kurma, atau satu sha' dari sya'iir. atas seorang hamba, seorang merdeka, laki-laki, wanita, anak kecil dan orang dewasa dari kaum muslimin.*

(al-Bukhari, 2005, No. Hadis: 1503)

Keunikan zakat fitrah dalam bulan Ramadhan juga dapat diteliti dari aspek syarat wajib yang dibincangkan oleh cendiakawan Islam. Individu yang berkesempatan hidup walaupun seketika sama ada orang tua, muda, kanak-kanak atau bayi yang baru dilahirkan dan kemudian meninggal dunia, dan individu bukan muslim yang memeluk Islam berkewajipan menunaikan zakat fitrah. Scenario ini menunjukkan bahawa zakat fitrah merupakan ibadah yang begitu istimewa dalam bulan Ramadhan dan masyarakat perlu mempunyai tahap kefahaman yang baik berkaitannya (Muhammad Rawwas, 1996).

Memandangkan zakat fitrah ini hanya dilaksanakan dalam tempoh terhad iaitu sebulan sahaja dalam setahun, maka ketua keluarga khususnya berperanan mengetahui maklumat berkaitan zakat ini. Ketua keluarga merupakan individu yang bertanggungjawab untuk menunaikan zakat fitrah untuk diri, isteri dan anak-anak. Bagi tujuan pendidikan pula, terdapat saranan untuk menggalakkan anak-anak yang telah akil baligh untuk menunaikan sendiri zakat fitrah dengan wang yang diberikan oleh bapa. Secara tidak langsung, tindakan ini memberikan pengetahuan awal kepada anak-anak berkaitan tanggungjawab yang wajib dilaksanakan pada setiap kali bulan Ramadhan dari aspek kadar bayaran, pihak bertanggungjawab membuat kutipan, cara niat dan sebagainya.

Bersangkutan kadar bayaran zakat fitrah, pihak Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) mengikut negeri akan mengumumkan kadar fitrah yang wajib ditunaikan setiap tahun. Antara tahun 2009 hingga 2018, kadar fitrah yang ditetapkan oleh kebanyakan negeri ialah RM7.00. Walaubagaimanapun, terdapat beberapa negeri yang menetapkan dua kadar zakat fitrah seperti

Johor dan Terengganu. Tahun 2019 merupakan tahun yang unik dalam penetapan kadar zakat fitrah. Hal ini dijustifikasi kepada penetapan kadar fitrah berdasarkan kategori harga beras yang dimakan. Scenario ini telah membawa kepada pelaksanaan baru dalam zakat fitrah yang mana kadarnya dibahagikan kepada dua kategori iaitu kadar minimum iaitu RM7.00 seorang dan kadar pilihan dengan dua nilai iaitu RM14.00 dan RM21.00 seorang. Tiga kadar ini dilaksana di negeri Kedah, Perak dan Selangor. Negeri Melaka menetapkan kadar minimum dan satu kadar pilihan iaitu RM14.00, manakala kadar pilihan di Johor pula ialah RM10.00 (Fidlizan et al., 2019)

Pengenalan penetapan baru kadar fitrah minimum dan pilihan ini penting untuk difahami oleh masyarakat muslim meliputi ketua keluarga dan individu bujang yang bekerja khususnya. Namun, untuk mewujudkan kesedaran awal, anak-anak yang akil baligh terutamanya remaja yang kebanyakannya bergelar sebagai mahasiswa turut bertanggungjawab memahami perubahan ini. Ini kerana, keterbukaan maklumat berkaitan perbezaan kadar zakat fitrah antara negeri-negeri wajar untuk diketahui punca dan kesannya. Beberapa isu yang perlu diketahui berkaitan zakat fitrah adalah seperti berikut, (i) tuntutan menunaikan atau membayar zakat fitrah adalah kepada pihak berwajib di negeri individu bekerja, (ii) terdapat jenis dan harga beras yang berbeza-beza yang ditawar dalam pasaran dan diguna oleh isi rumah, dan (iii) kadar fitrah yang digunakan semasa merupakan nilai tukaran daripada timbangan asal iaitu timbangan satu gantang Baghdad. Tiga isu ini perlu didekahkan kepada golongan muda agar kumpulan ini bersedia dan patuh menunaikan zakat fitrah mengikut ketetapan yang diputuskan oleh MAIN di tempat mereka bekerja pada masa depan.

Timbangan asal fitrah iaitu sukatan satu Baghdad yang dipiawai mengikut timbangan kilogram semasa merupakan isu penting yang perlu difahami dalam pelaksanaan kadar fitrah minimum dan pilihan kini. Pemahaman terhadap isu ini dapat membuka minda golongan muda untuk memahami pengiraan kadar zakat fitrah yang sebenar. Melalui pengetahuan ini, golongan muda pada masa depan akan patuh dalam menunaikan zakat fitrah mengikut kadar fitrah ditetapkan oleh MAIN sama ada kadar minimum atau pilihan. Bahkan, kumpulan ini juga berkemungkinan dapat mengira sendiri kadar zakat fitrah yang perlu ditunaikan bersesuaian dengan jenis dan harga beras yang dimakan. Penunaian zakat fitrah di luar kadar ditetapkan (minimum dan pilihan) mungkin boleh berlaku pada masa depan disebabkan jenis, jenama dan harga beras yang lebih pelbagai. Pembayaran zakat fitrah dengan nilai RM30 contohnya oleh seseorang individu wajar digalakkkan. Walaupun membayar melebihi daripada nilai ditetapkan, sikap ini meliputi dua bentuk kepatuhan iaitu patuh kerana membayar kepada pihak MAIN, dan lebih patuh kerana membayar mengikut harga beras sebenar yang dimakan.

Rentetan wujud perubahan dalam penetapan kadar fitrah, maka pengetahuan golongan muda amat penting. Sehubungan itu, kajian ini cuba mengenalpasti tahap pengetahuan golongan muda iaitu mahasiswa di Perak berkaitan konsep aras zakat fitrah. Bagi membincangkan topik ini, ia disusun dalam lima (5) bahagian. Bahagian kedua ialah kajian literatur, disusuli bahagian ketiga iaitu metodologi, manakala bahagian keempat dan kelima pula adalah analisis kajian dan kesimpulan kajian.

## 2.0 KAJIAN LEPAS

Kepatuhan pembayaran zakat pendapatan yang diteliti dalam kajian lepas banyak berfokus kepada analisis empirikal yang bertujuan mengenalpasti faktor atau pengaruh pembolehubah tertentu. Kajian oleh Hairunnizam, Sanep dan Mohd Ali (2007) mendapati faktor umur, taraf perkahwinan, pendapatan dan mekanisme pembayaran zakat mempengaruhi secara signifikan kesedaran masyarakat untuk membayar zakat menggunakan analisis logistik. Faktor pengetahuan dan kurang penguatkuasaan pula didapati sebagai punca penting mempengaruhi peratusan pembayaran zakat yang kecil dalam kakitangan profesional (Mohd

Ali, Hairunnizam & Nor Ghani, 2004). Faktor yang sama turut diperoleh dalam analisis oleh Nur Barizah dan Hafiz Majdi (2010) melibatkan kakitangan profesional di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), dan kajian oleh Nur Azura, NorAzlina dan Nor Fadzlin (2005) di Universiti Utara Malaysia.

Kajian dalam bidang zakat fitrah secara empirikal pada peringkat awal dapat diteliti dalam kajian oleh Ahmad Hidayat (2006) yang mendapati peningkatan dalam statistik pembayar zakat fitrah di Perak. Dalam tempoh kajian yang dilaksana iaitu 1953 dan 1954, didapati bilangan tidak membayar zakat fitrah meningkat dari 69,000 orang kepada 84,000 orang. Mohd Yahya et al. (2013) telah membuat satu pengiraan menggunakan bilangan penduduk Muslim di Selangor dan jumlah kutipan zakat fitrah yang ditunaikan melalui pihak berwajib iaitu Lembaga Zakat Selangor (LZS) dari tahun 1995 hingga 2011. Dapatan kajian pengkaji juga menunjukkan jumlah zakat fitrah yang tidak ditunaikan melalui institusi berkaitan meningkat dari RM1.8 juta (1995) kepada RM5.2 juta (2011). Kajian di Terengganu oleh Siti Saufirah et al. (2016) pula mendapati isu yang sama yang mana jumlah zakat fitrah tidak ditunaikan kepada pihak berwajib semakin meningkat. Dua faktor dikenalpasti iaitu kurang keyakinan pembayar kepada pengurusan institusi, dan pembayar membayar zakat fitrah pada kadar kedua yang lebih rendah berbanding kadar fitrah mengikut harga beras utama.

Kajian-kajian berkaitan pengetahuan masyarakat berkaitan konsep zakat fitrah mengikut harga beras dimakan pula mendapat perhatian beberapa pengkaji pada masa kini. Antaranya ialah Fidlizan et al. (2019) di Perak, Mohamad Shairazi dan Hairunnizam (2019) dan Sayidah Nafisah dan Hairunnizam (2019) di Selangor. Namun, kajian-kajian ini berfokus kepada responden yang melibatkan ketua keluarga sesebuah isi rumah. Oleh yang demikian, kajian yang akan dilaksanakan ini cuba mengenalpasti pengetahuan zakat fitrah dalam golongan remaja atau secara khususnya kumpulan mahasiswa. Tahap pengetahuan berkaitan zakat fitrah cuba dikaji melibatkan kumpulan ini dengan justifikasi mereka merupakan kumpulan pelapis baru akan berperanan sebagai ketua isi rumah kepada generasi baru. Sehubungan itu, tanggungjawab memahami dan melaksanakan dengan sempurna ibadah zakat fitrah untuk diri, isteri dan tanggungan akan dilaksanakan oleh mereka pada masa depan.

### **3.0 METODOLOGI**

Kajian ini merupakan kajian kuantitatif berbentuk deskriptif yang bertujuan mengenalpasti tahap pengetahuan mahasiswa berkaitan zakat fitrah. Instrumen soal selidik digunakan bagi mendapatkan data responden yang mengandungi tiga bahagian. Bahagian pertama berkaitan maklumat ringkas pelajar melibatkan tiga item iaitu jantina, bidang pengajian di institusi pengajian tinggi (IPT), dan pengajian formal terakhir dalam mempelajari berkaitan zakat. Bahagian kedua pula mengenai pengetahuan amalan semasa zakat fitrah dalam kalangan mahasiswa yang meliputi empat item, dan bahagian ketiga pula konsep asas zakat fitrah mencakupi sembilan item. Item-item ini dikemukakan dalam borang soal merupakan konsep asas berkaitan zakat fitrah. Item-item yang dikemukakan dalam borang soal selidik adalah soalan-soalan umum yang sering dipaparkan dalam buku-buku agama dan diajukan melalui soal jawab agama seperti televisyen, radio dan sebagainya. Analisis min digunakan pada bahagian ini dengan tiga tahap (Pallant, 2007) iaitu rendah (min 1.00-1.99), sederhana (min 2.00-2.99) dan baik (3.00-4.00).

Pengumpulan data kajian dilakukan dalam tempoh tiga bulan bermula pada September/Okttober 2019 hingga November/Disember 2019 di sebuah institusi pengajian tinggi di negeri Perak. Sebanyak 145 daripada 160 borang soal selidik berjaya dikumpulkan dengan 125 daripadanya mengisi dengan lengkap kesemua item. Analisis data menggunakan kekerapan, peratus dan min diaplikasi bagi mencapai objektif kajian.

### **4.0 ANALISIS KAJIAN**

Analisis kajian ini dibahagikan kepada tiga bahagian sebagaimana dinyatakan dalam metodologi. Hasil analisis maklumat asas responden ditunjukkan dalam Jadual 1 di bawah.

**Jadual 1:** Profil asas responden

Maklumat Asas Responden	Keterangan	Kekerapan (n=125)	Peratus (%)
Jantina	Lelaki	37	29.6
	Perempuan	88	70.4
Bidang Pengajian di IPT	Kewangan Islam	70	56.0
	Bukan Kewangan Islam	55	44.0
Mempelajari topik zakat secara formal	PMR	54	43.2
	SPM	54	43.2
	STPM/Matrikulasi	6	4.8
	Diploma	11	8.8

**Nota:** PMR (Penilaian Menengah Rendah), SPM (Sijil Pelajaran Malaysia), STPM (Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia)

Berdasarkan Jadual 1, kajian ini melibatkan 70 peratus pelajar wanita, dan 30 peratus pelajar lelaki. Nisbah ini sesuai mewakili bilangan pelajar di institusi yang dikaji yang mempunyai bilangan pelajar perempuan yang lebih ramai berbanding pelajar lelaki setiap kali pengambilan baru dilakukan setiap tahun. Dari aspek bidang pengajian pula, 56 peratus responden mengikuti program pengajian kewangan Islam, dan 44 peratus bidang selain kewangan Islam. Walaupun lebih 50 peratus responden mengikuti pengajian kewangan Islam, namun diteliti kepada pengajian formal terakhir berkaitan zakat yang dipelajari adalah sebaliknya. Sembilan peratus daripada responden mempelajari zakat secara formal di peringkat Diploma, lima peratus pada peringkat STPM atau Matrikulasi, dan 43 peratus pula pada peringkat PMR dan SPM. Situasi ini menunjukkan pembelajaran secara formal berkaitan telah dipelajari antara 3 hingga 5 tahun yang lepas.

Analisis berkaitan pengetahuan semasa responden dengan senario zakat fitrah semasa ditunjukkan dalam Jadual 2 di bawah.

**Jadual 2:** Pengetahuan semasa kadar zakat fitrah

Pernyataan	Keterangan	Kekerapan (n=125)	Peratus (%)
1. Zakat fitrah yang dibayar pada tahun 2019...	RM7	92	73.6
	RM14	2	1.6
	RM21	1	0.8
	Tidak Tahu	30	24.0
2. Zakat fitrah dibayar oleh...	Sendiri	14	11.2
	Keluarga	111	88.8
3. Zakat fitrah dibayar di negeri...	Perak	22	17.6
	Luar Perak	97	77.6
	Tidak Tahu	6	4.8
4. Negeri Perak mempunyai 3 nilai zakat fitrah (RM7,14 & 21)	Tahu	33	26.4
	Tidak Tahu	62	49.6
	Tidak pasti	30	24.0

Berdasarkan Jadual 2, didapati 76 peratus responden mengetahui nilai zakat fitrah yang dibayar oleh diri sendiri atau keluarga sama ada RM7, RM14 atau RM21. Sebanyak 89 peratus zakat fitrah responden ditunaikan oleh pihak keluarga, manakala 11 peratus lagi menunaikan sendiri. Dari aspek tempat pembayaran, 77 peratus ditunaikan di luar Perak, manakala 22 peratus pula di Perak. Keadaan ini menunjukkan keluarga responden majoritinya berkerja atau menetap di luar negeri Perak. Pelaksanaan nilai zakat fitrah dengan tiga kadar di Perak pula hanya diketahui oleh 26 peratus responden, manakala 74 peratus pula menyatakan tidak tahu atau tidak pasti. Situasi tahap pengetahuan ini menunjukkan kepekaan pelajar berkaitan informasi ini kurang diambil berat. Hal ini mungkin dapat dijusifikasi kepada situasi bayaran zakat fitrah mereka yang masih berada di bawah tanggungan keluarga. Dapatkan ini memberi indikator yang signifikan untuk diberi perhatian disebabkan pengetahuan semasa yang berlaku penting untuk diketahui bagi menunjukkan sikap mereka terhadap perkembangan semasa.

Analisis pengetahuan kadar zakat fitrah mengikut bidang pengajian pula ditunjukkan dalam Jadual 3.

**Jadual 3:** Analisis Pengetahuan nilai zakat fitrah mengikut bidang pengajian

Kategori Pengajian	Bilangan	Tahu (%)	Tidak Tahu (%)	Tidak Pasti (%)
Bidang Kewangan Islam	70 (40)	28	30 (42.9)	12 (17.1)
Bukan Bidang Kewangan Islam	55 (9.1)	5	32 (58.2)	18 (32.7)
<b>JUMLAH</b>	<b>125</b>	<b>33</b>	<b>62</b>	<b>30</b>

Berdasarkan Jadual 3, analisis mengikut bidang pengajian menunjukkan bahawa 40 peratus pelajar dalam bidang kewangan Islam mengetahui berkaitan nilai baru zakat fitrah di Perak berbanding kurang 10 peratus bagi kumpulan pelajar bukan bidang pengajian kewangan Islam. Senario ini menunjukkan bahawa, sudut bidang pengajian seseorang pelajar mempengaruhi tahap pengetahuan berkaitan sesuatu isu. Walaupun demikian, nilai peratusan melebihi 40 peratus dalam kalangan pelajar kedua-dua bidang pengajian yang tidak mengetahui atau tidak pasti berkaitan pelaksanaan nilai zakat fitrah baru ini perlu diberikan perhatian yang serius oleh pihak berkuasa zakat dan akademik khususnya. Punca utama yang menimbulkan persoalan ini perlu dikenalpasti segera memandangkan maklumat berkaitan zakat telah disebarluaskan oleh pihak berkuasa melalui pelbagai medium maklumat. Sehubungan itu, lompatan maklumat yang diakses oleh pelajar perlu diteliti bagi memastikan pengetahuan berkaitan Islam dan zakat khasnya yang disebarluaskan melalui medium atas talian dapat difahami oleh golongan muda dengan berkesan.

Hasil analisis pengetahuan pelajar berkaitan beberapa konsep asas zakat fitrah pula diringkaskan dalam Jadual 4 di bawah.

**Jadual 4:** Pengetahuan Konsep Asas Zakat Fitrah

Bil	Pernyataan	Tidak Faham	Sedikit Faham	Faham	Sangat Faham	Min
1.	Wajib dibayar pada bulan Ramadhan	3 (2.4)	2 (1.6)	22 (17.6)	98 (78.4)	3.72 [B]
2.	Disyaratkan individu hidup walaupun seketika dalam Ramadhan	12 (9.6)	15 (12.0)	29 (23.2)	69 (55.2)	3.24 [B]
3.	Dinilai pada timbangan satu Baghdad	28 (22.4)	38 (30.4)	34 (27.2)	25 (20.0)	2.45 [S]
4.	Timbangan satu Baghdad = 2.6 kg	34 (27.2)	37 (29.6)	40 (32.0)	14 (11.2)	2.27 [S]
5.	Ditimbang pada makanan asasi utama negara (Cth. Beras)	5 (4.0)	15 (12.0)	42 (33.6)	63 (50.4)	3.30 [B]

6.	Membayar menggunakan makanan asasi merupakan pandangan Mazhab Syafie	14 (11.2)	30 (24.0)	40 (32.0)	41 (32.8)	2.86 [S]
7.	Amalan membayar dalam matawang kini merupakan pandangan Mazhab Hanafi	21 (16.8)	41 (32.8)	38 (30.4)	25 (20.0)	2.53 [S]
8.	Ditunaikan sebelum solat sunat Raya	7 (5.6)	11 (8.8)	24 (19.2)	83 (66.4)	3.46 [B]
9.	Dibayar selepas solat sunat raya, dinamakan sebagai sedekah	17 (13.6)	30 (24.0)	27 (21.6)	51 (40.8)	2.90 [S]
			Min Purata Keseluruhan		2.97	
						[S]

**Nota:** ( ) peratus, [ ] tahap min iaitu R-rendah, S-Sederhana, B-Baik

Berdasarkan Jadual 4, terdapat empat pernyataan dianalisis dengan dapatan berstatus baik iaitu nilai min antara 3.00 hingga 4.00, manakala lima pernyataan lain pula dengan status sederhana (nilai min, 2.00-2.99). Secara umum, didapati pernyataan yang berstatus tahap min baik merujuk kepada perkara asas berkaitan zakat fitrah iaitu masa pelaksanaan (item 1), syarat (item 2), makanan asasi (item 5) dan waktu membayar (item 8). Analisis empat item ini menunjukkan bahawa pengetahuan mahasiswa berkaitan rukun atau syarat wajib berkaitan zakat fitrah adalah baik.

Bagi lima pernyataan dengan tahap min yang sederhana, iaitu timbangan (item 3 & 4), bentuk bayaran (item 6 & 7) dan waktu membayar (item 9) pula merupakan perbincangan tambahan berkaitan zakat fitrah. Tiga pernyataan dengan min yang paling rendah adalah berkaitan timbangan iaitu timbangan piawai semasa (item 4, min=2.27), timbangan asal (item 3; min=2.45) dan pandangan mazhab (item 7, min=2.53). Tiga item ini saling berkait dan amat signifikan untuk diberi perhatian oleh pihak bertanggungjawab. Hal ini disebabkan penetapan zakat fitrah minimum dan pilihan adalah berkaitan dengan ketiga-tiga elemen berkaitan. Secara keseluruhan pula, didapati min purata keseluruhan bagi sembilan item pengetahuan ini adalah sederhana iaitu 2.97. Oleh yang demikian, pihak MAIN berperanan untuk memberi pendedahan pengetahuan berkaitan konsep zakat fitrah kepada golongan muda khususnya berkaitan timbangan dan formula digunakan dalam pengiraan kadar zakat fitrah secara berterusan.

## 5.0 KESIMPULAN

Tanggungjawab individu muslim terhadap zakat fitrah bukan sekadar bayaran semata-mata. Ibadah ini perlu ditunaikan dengan pengetahuan yang baik meliputi perkara-perkara asas seperti rukun atau syarat wajib, dan perbincangan tambahan berkaitan zakat fitrah. Sebagai individu muslim bergelar sebagai pelajar khususnya, maklumat berkaitan asas-asas perubahan dalam penetapan kadar zakat fitrah di sebahagian negeri di Malaysia relevan untuk diketahui. Hal ini dapat meningkatkan pengetahuan umumnya dari masa ke semasa dan dapat menjadikannya sebagai individu yang patuh pada syariah Islam. Tahap pengetahuan yang tidak mengetahui berkaitan nilai baru dalam zakat fitrah di Perak melibatkan pelajar dalam bidang kewangan Islam dan bukan bidang perlu diberikan perhatian yang serius. Kajian mendalam perlu dilaksana bagi mengenalpasti lompong dan punca utama yang menyebabkan senario ini berlaku. Mengapa hal ini penting? Kemajuan teknologi semasa dengan sumber maklumat yang boleh dicapai dengan mudah oleh pelajar penting untuk dibimbang oleh semua pihak. Pihak institusi pengajian tinggi khususnya boleh berperanan sebagai medium perantara kepada pihak berkuasa agama dalam hal ini. Web pelajar, email dan perjumpaan pelajar merupakan alat dan kemudahan yang boleh digunakan untuk menyebarkan maklumat ini. Selain itu, kurikulum akademik juga perlu lebih anjal dengan perubahan yang berlaku di sekeliling dengan mengambil kira aspek yang penting berkaitan bidang pengajian, dan penerapan pengetahuan semasa bersama-sama. Pihak berkuasa agama juga pula perlu lebih dekat dengan pihak institusi pengajian tinggi dalam mencari jawapan kepada isu ini. Peruntukan dana penyelidikan secara berkala bagi mengkaji isu-isu berkaitan zakat dapat menyediakan pihak MAIN untuk merancang strategi secara lebih efisien pada masa depan. Rumusannya, institusi berautoriti dalam pengurusan zakat khususnya perlu berperanan secara

signifikan untuk memastikan maklumat zakat fitrah diketahui dengan sempurna dengan menjalankan kerjasama lebih rapat dengan semua pihak bagi mencapai objektif institusi dan zakat itu sendiri.

## Penghargaan

Penyelidikan ini dibiayai di bawah Geran Penyelidikan Universiti Fundamental (GPUF) bagi tahun 2019 oleh pihak Pusat Penyelidikan dan Inovasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris. Kod Geran Penyelidikan: 2019-0217-106-01.

## Rujukan

- Ahmad Hidayat, B. (2006). "Dilema Perundangan Zakat di Malaysia: Antara Pengaruh dan Strategi Pujukan/Galakan/Intensif Membayar Zakat" dalam Zakat: Pensyariatan, Perekonomian dan Perundangan. (suntingan) Abdul Ghafar Ismail dan Hailani Muji Tahir. Bangi, Penerbit UKM
- al-Bukhari. (2005). *Shahih al-Bukhari*, 1. Kaherah: Dar al-Fajr Lil turath.
- Al-Qaradhawi, Y. (2015). *Fatwa Kontemporari, Jilid 1, Siri 2 Ibadah*. Muhammad Hakim, R. et al. (terj.). Selangor: PTS Islamika Sdn. Bhd.
- Fidlizan, M., Ahmad Zakirullah, M.S., Mohd Yahya, M.H., Azila, A.R. & Salwa Amira, A. (2019). Issues and Challenges in the Introduction of New Rate of Zakat al Fitri in Perak. *Journal of Fatwa Management and Research*, 18(3), 58-73
- Hairunnizam, W., Sanep, A. & Mohd Ali, M.N. (2007). Kesedaran Membayar Zakat Pendapatan di Malaysia. *Islamijiyat* 29, 53-70
- JAKIM (2009). *Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwah Ugama Islam Malaysia*. Kuala Lumpur: Bahagian Pengurusan Fatwa JAKIM.
- Mohd Ali, M.N., Hairunnizam, W. & Nor Ghani, M.N (2004) Kesedaran Membayar Zakat Pendapatan di Kalangan Kakitangan Profesional Universiti Kebangsaan Malaysia. *Islamijiyat* 26(2), 59-68.
- Mohd Shairazi Akmal, M.R. & Hairunnizam, W. (2019). Payment of Zakat Fitri Based on Price of Rice Consumed and The Role of Promotional Medium: A Study of Zakat Board (LZS) in Kajang, Selangor. *Journal of Fatwa Management and Research*, 17(2), 283-308.
- Mohd Yahya, M.H., Fidlizan, M. & Mohamad Ali, R.A. (2013) Kepatuhan membayar zakat: Analisis kutipan dan ketirisan zakat fitrah di Selangor. *Jurnal Syariah* 21(2), 191- 206.
- Muhammad Rawwas Qal'ahji. (1996). *Mausuah Fiqh 'Abd Allah 'Abbas*. Beirut: Dar al-Nafaes
- Nur Azura S, Norazlina AW, Nor Fadzlin MB (2005) Gelagat Kepatuhan Pembayaran Zakat Pendapatan: Kajian Kes UUM. *Seminar Ekonomi dan Kewangan Islam*, Fakulti Ekonomi, Universiti Utara Malaysia, 29-30 Ogos
- Nur Barizah, A.B, Hafiz Majdi, A.R. (2010) Motivations of Paying Zakat on Income: Evidence from Malaysia. *International Journal of Economics and Finance* 2(3), 76-84
- Pallant, J. (2007). SPSS Survival Manual. A Step by Step Guide to Data Analysis Using SPSS. Third Edition. Allen & Unwin
- Sayidah Nafisah, A.R. & Hairunnizam, W. (2019). Payment of Zakat Fitri Based on Price of Rice Consumed and The Role of Amil Kariah: A Study Hulu Langat District, Selangor. *Journal of Fatwa Management and Research*, 17(2), 355-395
- Siti Saufirah, M.T., Hairunnizam, W. & Sanep, A. (2018). Kepatuhan Membayar Zakat Fitrah: Analisis Kutipan dan Ketirisan Pembayaran Zakat Fitrah di Terengganu. *Journal of Fatwa Management and Research*, 7(1), 75-94.